



**UCAPAN
YBHG DATO' SRI DR. ALI HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT
PELANTIKAN TETAP
PEGAWAI KONTRAK PTD M41**

**6 OKTOBER 2012
INTAN BUKIT KIARA**

Bismillahir rahmanir rahim

*Assalaamualaikum warahmatullahi
Wabarakatuh*, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia

YBhg. Tan Sri Mahmood Bin Adam
Pengerusi SPA

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam (Pembangunan)

YBhg. Datuk Ramli Bin Juhari
Setiausaha SPA

Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Tuan-tuan, Puan-puan serta Saudara
saudari yang dihormati sekalian.

Kepercayaan Pemimpin Negara Terhadap PTD

1. Semenjak zaman pemerintahan British di Tanah Melayu, Malayan Civil Service atau (MCS) telah diberikan kepercayaan untuk menjawat jawatan utama dalam pentadbiran negara. Kepercayaan ini adalah berdasarkan kepada kewibawaan dan keupayaan pegawai MCS yang terpilih di kalangan pegawai-pegawai British yang mendapat pendidikan di institusi-institusi pengajian tinggi tersohor seperti Oxford dan Cambridge University serta mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran di jajahan Wilayah Britain.
2. Apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, MCS yang dahulunya terdiri daripada orang-orang British telah diisi oleh orang-orang tanah air kita sendiri. Tradisi kecemerlangan pegawai-pegawai MCS yang kemudian ditukar

nama kepada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) diteruskan dengan barisan pegawai-pegawai yang berwibawa seperti YABhg Tun Kadir Shamsuddin, YABhg Tun Raja Mohar, YABhg Tun Ahmad Sarji dan sebagainya. Kepercayaan ini telah membolehkan PTD menjawat jawatan utama dan strategik dalam perkhidmatan awam negara.

PTD Perlu Kekal Relevan

3. Persoalannya ialah adakah tradisi kecemerlangan pegawai-pegawai PTD serta kepercayaan pimpinan tertinggi negara kepada pegawai-pegawai PTD dapat kekal diteruskan? Jawapannya bergantung kepada sejauh manakah pegawai PTD akan kekal relevan dalam lanskap perkhidmatan awam negara yang kini berhadapan dengan berpengalaman luas dan tahu akan hak masing-masing mempunyai ekspektasi

yang tinggi terhadap penjawat awam dalam penyampaian perkhidmatan awam (*public service delivery*).

4. Pada masa yang sama, globalisasi perdagangan antarabangsa dan ekonomi memerlukan negara untuk kekal berdaya saing di persada dunia. Dalam indeks pengukuran daya saing negara seperti Global Competitiveness Report oleh World Economic Forum dan IMD World Competitiveness Yearbook, *government efficiency* merupakan salah satu kayu pengukur yang digunakan.
5. Justeru, pegawai-pegawai PTD perlu memikul tanggungjawab yang berat serta memainkan peranan yang penting dalam memenuhi ekspektasi barisan pimpinan negara serta rakyat untuk kekal relevan dalam perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, saudara-saudari yang telah memilih untuk berkhidmat sebagai pegawai kontrak

PTD yang selepas ini akan menjadi pegawai tetap, perlu mengupayakan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran serta mendapatkan pengalaman dan pendedahan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, yang paling penting adalah perubahan daripada segi *mindset* yang menentukan cara kita bekerja dan melaksanakan tugas.

Perubahan Mindset

6. Salah satu contoh perubahan *mindset* ini boleh dilihat daripada kerjasama awam-swasta dalam pelbagai bidang. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri merupakan satu contoh baik di mana kerjasama di antara penjawat awam dan eksekutif kanan yang dipinjamkan oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) berada di tahap yang baik. Idea-idea, pengetahuan dan pengalaman di sektor swasta yang berhubung dengan projek-

projek pembangunan serta amalan terbaik pengurusan (*management best practices*) dikongsi secara bersama dengan penjawat awam yang mana membantu UKAS untuk sentiasa melangkaui sasaran indikator pencapaian utama (KPI) dari tahun ke tahun dimana pada tahun 2010, sejumlah RM18 bilion pelaburan diperolehi dan pada tahun berikutnya, sebanyak RM69 bilion.

Blue Ocean Strategy

7. Perubahan *mindset* juga dapat dipraktikkan menerusi pendekatan secara 'Blue Ocean' di mana pendekatan tersebut menekankan tiga aspek dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu inisiatif iaitu '*low cost, high impact dan rapid execution*'. Konsep Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre (RTC) merupakan pendekatan yang

membantu mengubah cara hidup penduduk di kawasan luar bandar dan bandar dengan penawaran peluang-peluang perniagaan baru, peningkatan kemahiran dan penawaran perkhidmatan agensi kerajaan dan swasta di pusat setempat (*one-stop centre*).

CTI dan PCI

8. YAB Perdana Menteri telah menggariskan prinsip-prinsip CTI (Cepat, Tepat, Integriti) dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovasi) untuk diteladani oleh penjawat awam dalam memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam. Kerap kali saya mendengar keluhan pemimpin negara mengenai keadaan penjawat awam yang tidak pantas bertindak menyebabkan rakyat berasa kecewa terhadap pimpinan negara serta sektor awam. Penjawat awam perlu

CEPAT dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab diberikan serta keputusan yang telah dibuat oleh Kabinet terutamanya dalam urusan yang melibatkan rakyat. Kepantasan bertindak adalah tidak mencukupi jika kita tidak **TEPAT** dalam membuat keputusan serta perancangan dasar untuk memenuhi kehendak pelanggan (*stakeholders*). Ketepatan adalah penting untuk memastikan dasar yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya (***do it right the first time***) tanpa sebarang kekangan atau bantahan daripada mereka yang sepatutnya mendapat manfaat daripada pelaksanaan dasar tersebut. **INTEGRITI** pula dijadikan nilai yang menjadi panduan kepada melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita sebagai penjawat awam. Saya pasti saudara-saudari sekalian pernah baca atau mendengar mengenai insiden-insiden di mana konglomerat atau tokoh

korporat terkemuka di negara-negara maju disabitkan atau didakwa dengan pertuduhan rasuah atau penyelewangan kewangan. Jika integriti begitu dititikberatkan di negara-negara maju di sektor swasta, apatah lagi jika di sektor awam. Harapan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 juga bergantung kepada integriti institusi-institusi negara termasuk sektor awam secara keseluruhan.

Saudara-saudari sekalian,

9. Sebagai pegawai PTD yang diberikan kepercayaan serta disandarkan harapan oleh Kerajaan untuk menerajui sektor awam, adalah menjadi tanggungjawab kamu semua untuk tidak mensia-siakan kepercayaan serta tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan PTD kekal relevan di arus semasa sektor awam. Saya percaya saudara-saudari semua

mampu menggalas tanggungjawab serta memikul harapan ini.

10. Dengan itu, saya mengucapkan tahniah sekali lagi dan selamat maju jaya dalam perjalanan kerjaya saudara-saudari sekalian.

Sekian, terima kasih.